



Ruj. Kami:JHEAINS.196(09)BPMS. 600/5 Jld. 3 (63)

Tarikh:

02 Ramadhan 1444

24 Mac 2023

EDARAN SEGERA

Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid

Pengerusi Jawatankuasa Surau

Seluruh Daerah

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Assalamu'alaikum wr. wbt

YBhg. Dato'/Tuan,

ARAHAN BERKAITAN PENYELENGGARAAN, PEMBAIKAN, BINA BARU DAN PEMASANGAN KARPET BAGI MASJID DAN SURAU DI NEGERI SEMBILAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) meminta agar semua masjid dan surau mengambil perhatian serta tindakan terhadap perkara-perkara berikut:

- i. Setiap permohonan berkaitan penyelenggaraan, pembaikan, bina baru dan pemasangan karpet bagi masjid dan surau hendaklah dikemukakan terus ke JHEAINS Daerah;
- ii. Setiap permohonan yang dikemukakan hendaklah mendapat pengesahan daripada Pegawai Agama Islam Daerah terlebih dahulu sebelum proses seterusnya dilakukan;
- iii. Pihak Masjid dan Surau boleh menghubungi atau merujuk Unit Pengurusan Masjid dan Surau, JHEAINS Daerah masing-masing bagi sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini.



JALAN YAM TUAN 70000 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS ...2/-

Ruj. Kami:JHEAINS.196(09)BPMS. 600/5 Jld. 3 (63)

Tarikh: 02 Ramadhan 1444

24 Mac 2023

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama YBhg. Dato'/Tuan untuk mematuhi sepenuhnya arahan ini selaras dengan peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 :

Seksyen 97 (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis, mendirikan apa-apa bangunan untuk digunakan atau menggunakan atau menyebabkan digunakan mana-mana bangunan bagi maksud-maksud yang hanya boleh dijalankan di atau oleh masjid;

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedu-duanya; dan

Seksyen 99 (3) Tiada perubahan yang material kepada struktur masjid boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD ZAIDI BIN RAMLI)

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan Darul Khusus

Ruj. Kami:JHEAINS.196(09)BPMS. 600/5 Jld. 3 (63)
Tarikh: 02 Ramadhan 1444
24 Mac 2023

s.k.:

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan JHEAINS

} Untuk perhatian pihak Tuan jua.
Terima Kasih

Pegawai Agama Islam Daerah
JHEAINS Seremban

Pegawai Agama Islam Daerah
JHEAINS Kuala Pilah

Pegawai Agama Islam Daerah
JHEAINS Tampin

Pegawai Agama Islam Daerah
JHEAINS Rembau

Pegawai Agama Islam Daerah
JHEAINS Port Dickson

Pegawai Agama Islam Daerah
JHEAINS Jempol

Pegawai Agama Islam Daerah
JHEAINS Jelebu

Fail Timbul